

UCAPAN BAJET 2024

1. PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum w.b.t,

Yg. Berhormat ADUN, Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang dikasihi sekalian,

- 1.1 Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah kurniaNya telah mengizinkan kita berkumpul pada pagi ini untuk saya membentangkan Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya tahun 2024.
- 1.2 Bagi menyediakan bajet pada tahun 2024, Majlis telah melalui 10 proses untuk sampai ke proses terakhir pada hari ini. Proses penyediaan Bajet 2024 telah dimulakan dengan permohonan bajet oleh jabatan-jabatan di Majlis bermula pada 14 Jun 2023 sehingga 20 Julai 2023.
- 1.3 Seterusnya cadangan dan pandangan penduduk secara atas talian telah dibuka bermula 17 Julai 2023 sehingga 4 Ogos 2023 untuk orang awam memberikan sebarang idea dan cadangan berhubung Bajet 2024.

- 1.4 Hasil daripada analisis maklumbalas daripada orang awam tersebut, Majlis telah menerima sebanyak 136 maklumbalas dan cadangan. Cadangan-cadangan tersebut telah dipertimbangkan dan dimasukkan di dalam Bajet 2024.
- 1.5 Perbincangan awal Bajet 2024 adalah bersama Pengurusan Tertinggi Majlis dan Ketua Jabatan MBPJ telah diadakan pada 21 Julai 2023 bagi membincangkan secara dasar apakah fokus Majlis pada tahun 2024. Seterusnya semakan Bajet 2024 bersama jabatan telah diadakan pada 15 Ogos 2023 sehingga 18 Ogos 2023.
- 1.6 Setelah itu, 3 sesi perbincangan Bajet 2024 bersama Ahli Majlis telah diadakan melibatkan Pengurusan Tertinggi dan semua Ketua Jabatan pada 29 Ogos 2023, 18 September 2023 dan 19 September 2023 bagi membentangkan dan meneliti permohonan projek-projek/kerja yang diterima daripada Ahli Majlis untuk tahun 2024.
- 1.7 Pada 21 September 2023 pula telah diadakan sesi libat urus '*Town Hall*' Dialog Bajet Tahun 2024 Bersama ADUN, Ahli Parlimen, Ahli Majlis, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Persatuan Penduduk/ Kawasan Rukun Tetangga (KRT)/NGO. Melalui sesi libat urus *Townhall* ini, wakil penduduk daripada 24 Zon juga telah mengemukakan 255 cadangan. Sebahagian daripada cadangan-cadangan tersebut telah

dipertimbangkan untuk dilaksanakan oleh Majlis dan telah diambil kira di dalam Cadangan Bajet 2024.

- 1.8 Setelah itu, satu bengkel rumusan Bajet 2024 telah diadakan pada 26 September 2023 yang dipengerusikan oleh saya sendiri bagi menyelaraskan peruntukan hasil dan belanja pada tahun 2024.
- 1.9 Cadangan Bajet 2024 seterusnya telah dibahaskan dengan lebih teliti dan terperinci di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan (Khas) Bajet pada 3 Oktober 2023. Setelah melalui proses ini, maka pada hari ini Cadangan Bajet Tahun 2024 dibentangkan untuk kelulusan Majlis. Setelah diluluskan, Cadangan Bajet ini akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk pengesahan.

Ahli-Ahli Mesyuarat yang dihormati sekalian,

2. TEMA BAJET 2024

- 2.1 Pada tahun 2017, Majlis telah menerima Kerangka Perancangan Strategik Bandaraya Petaling Jaya dijenamakan semula sebagai '*PJ Smart, Sustainable, Resilient 2030*' (*PJSSR 2030*). Pelan Strategik Bandaraya ini telah menggabungkan semua inisiatif ke arah menjadikan

Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya pintar, mampan dan berdaya tahan dengan mengambilkira aspirasi penduduk Petaling Jaya, 'key areas' PJ Sustainable 2030 dan usaha lokalisasi *Sustainable Development Goals* (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

2.2 Majlis akan terus komited untuk melaksanakan Pelan Startegik *PJ Smart, Sustainable, Resilient 2030* (PJSSR 2030) secara lebih fokus melalui kaedah *micro planning*. Pembangunan mampan adalah merupakan teras utama yang sangat sinonim dan relevan bagi bandaraya Petaling Jaya. Majlis juga melihat kepentingan mewujudkan *engagement*, hubungan rapat, memperkasakan dan memperluaskan rangkaian kolaborasi dengan semua golongan komuniti. Kedua-dua aspek penting ini membentuk tema bajet tahun 2024. Sehubungan dengan itu, tema Bajet Tahun 2024 adalah **'KOMUNITI BAHAGIA, PETALING JAYA SEJAHTERA'**.

2.3 Bagi menjayakan Pelan Strategik PJSSR 2030 ini, 5 teras pembangunan seperti berikut menjadi tunjang utama yang diambil perhatian:-

2.3.1 **Alam Sekitar** – Pengurusan bandaraya berkarbon rendah, pengangkutan yang *sustainable, circular economy*, persekitaran bersih dan imej bandar yang menarik dan hijau.

2.3.2 **Habitat Berdaya Huni** – Pengurusan bandar yang selamat dan *resilient*.

2.3.3 **Ekonomi Vibran** – Pembangunan ekonomi bandar dan Pembangunan Usahawan.

2.3.4 **Komuniti Mampan** – Pembangunan bandar *Society 5.0*, perumahan mampu milik, bandar inklusif, bandar mesra kanak-kanak, bandar pembelajaran dan komuniti berbudaya.

2.3.5 **Urustadbir Baik** – Pengurusan *eGovernance city*, urustadbir berteraskan libat urus (*engagement*), pembangunan modal insan dan pematuhan dasar, polisi dan undang-undang

2.4 Kebahagiaan yang dinikmati oleh penduduk merupakan elemen utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah komuniti. Konsep Komuniti Bahagia menjelaskan strategi merubah sesebuah komuniti berdasarkan pendekatan yang berkaitan dengan aspek pengurusan masalah sosial, peningkatan aktiviti ekonomi bagi memenuhi keperluan hidup, pengurangan isu pengangguran dan penyediaan peluang mobiliti sosial di dalam komuniti. Majlis bermatlamat untuk menyediakan komuniti dengan keadaan persekitaran yang selamat, merasai kepuasan menyeluruh terhadap keperluan asas bandar yang disediakan dan

memaksimumkan peluang mobiliti sosial. Dengan program-program yang telah dicadangkan pada tahun 2024, Majlis berharap dapat membantu penduduk merasa harmoni dan bahagia dalam menjana pendapatan, dapat berkongsi amalan budaya, norma serta nilai yang sama yang seterusnya akan memberi kesan positif ke atas kesejahteraan Petaling Jaya.

- 2.5 Dengan itu, bandaraya Petaling Jaya akan sentiasa berada sebagai bandaraya bahagia, tenang dan sejahtera untuk masa-masa akan datang. Untuk makluman para hadirin, bandaraya Petaling Jaya telah diiktiraf sebagai Bandar Paling Bahagia 2022 di Malaysia sempena Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia. Pengiktirafan ini diperolehi daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa melalui Kajian Indeks Kebahagiaan Malaysia 2022. Ini telah menunjukkan usaha-usaha yang kita lakukan sebelum ini telah memberikan kesan terhadap persepsi *stakeholder* di Petaling Jaya.

Ahli-Ahli Mesyuarat yang dihormati sekalian,

3. FOKUS BAJET 2024

Seperti yang saya nyatakan sebentar tadi, tunjang utama bagi PJSSR 2030 adalah 5 teras pembangunan iaitu Alam Sekitar, Habitat Berdaya Huni, Ekonomi Vibran, Komuniti Mampan dan Urustadbir Baik.

YAB Dato' Menteri Besar semasa Sesi Townhall Belanjawan 2024 pada 14 September 2023 di peringkat Kerajaan Negeri telah menggariskan perancangan perbelanjaan yang perlu berlandaskan kepada empat (4) fokus utama bagi tahun 2024 iaitu projek fizikal/ infrastruktur (*go physical*), digitalisasi (*go digital*), *people-centric* dan penguatan ekonomi.

Apa yang menjadi fokus penyediaan Bajet 2024 di peringkat Majlis adalah selari dengan fokus perancangan perbelanjaan di peringkat Kerajaan Negeri Selangor. Program/projek yang dirancang dan dilaksanakan oleh Majlis adalah mengambilkira apa yang menjadi fokus utama dan keperluan bagi penduduk dan *stakeholder* di bandar Petaling Jaya.

3.1 Alam Sekitar

Matlamat di bawah hala tuju alam sekitar adalah alam sekitar yang bersih dan hijau memerlukan komitmen semua pihak bagi mengurangkan penjana sampah dengan melaksanakan konsep *waste to energy* dan *circular economy*. Bandaraya Rendah Karbon menjadi matlamat utama Majlis ke arah mengurangkan kesan gas rumah hijau bagi menangani masalah *Global Warming*.

Usaha mengurangkan penjana Gas rumah Hijau ataupun GHG akan dilaksanakan menerusi 4 bidang utama, iaitu tenaga, pengangkutan, landskap dan sisa pepejal. Usaha memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya berkarbon rendah akan diteruskan selaras dengan *Petaling Jaya Climate Action Plan 2030* yang dibangunkan bersama UTM dan GCoM Asia bermula April 2023 yang telah mengambilkira faktor kerentanan (*vulnerability*) dan dayatahan (*resilient*) bandar Petaling Jaya. Antara projek yang dilaksanakan termasuk program pengurusan tenaga menerusi pemasangan panel solar di bangunan Pusat Inovasi MBPJ dan premis lain, pemasangan lampu jalan jenis LED sekitar kawasan Majlis, pemasangan smart energy metering di 4 bangunan MBPJ iaitu Menara MBPJ, Perpustakaan MBPJ, The Spine dan Pusat Inovasi MBPJ, smart ICT dan green bank data, *smart city* dan platform *e-governance* di samping program pengkomposan dan 3R berkonsepkan *Extended*

Producer Responsibility, penghijauan bandar dengan bertemakan lanskap rendah karbon serta eco-mobiliti dan perkhidmatan PJ City Free Bus yang berteraskan pengangkutan awam. Pelaksanaan program *Low Carbon City Framework* (LCCF PJ) ini akan diperkasakan lagi dengan program membina kapasiti kakitangan dengan sokongan daripada SEDA Malaysia, GCoM Asia dan Kerajaan Negeri Selangor dimana pencapaian program LCCF PJ ini akan menyumbang kepada sasaran yang ditetapkan di dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Skim rebat cukai taksiran yang menawarkan rebat 100% atau maksima RM500, mana yang lebih rendah kepada pemilik rumah mesra alam akan diteruskan. Majlis kekal sebagai PBT tunggal di Malaysia yang memberikan perakuan dalam bentuk rebat cukai kepada masyarakat yang mengamalkan gaya hidup mampan dan mengaplikasikan teknologi hijau. Seiring itu, sejumlah RM260,000 telah diperuntukan bagi tujuan di atas.

Dalam usaha Majlis menghadapi isu perubahan iklim dan pemanasan global di Petaling Jaya, Majlis telah melaksanakan inisiatif Landskap Rendah Karbon dalam mewujudkan suasana landskap yang selesa dan sejahtera melalui program penanaman pokok untuk mengimbangi pembangunan dengan kemampanan alam sekitar. Program ini menekankan kepada penanaman pokok teduhan yang bersifat rendah

karbon dan akan memberikan manfaat kepada kawasan hijau sebagai pembekal biodiversiti, kitaran oksigen dan karbon serta habitat kepada hidupan liar. Bagi tujuan tersebut sejumlah RM350,000 diperuntukkan untuk Program Penghijauan melalui penanaman pokok teduhan bagi meneutralkan 40% karbon dioksida dengan mengurangkan sumber karbon dan meningkatkan penyerapan karbon menjelang tahun 2030.

Majlis juga memperuntukkan sejumlah RM800,000 bagi menyambung projek pembangunan sebuah taman awam berkonsep Landskap Rendah Karbon (*Low Carbon Landscape*) yang pertama di Taman Kota@PJ Fasa 3, Seksyen 4 Kota Damansara secara “*interconnected*” bagi mengimbangi kehijauan alam sekitar dan menampung keperluan rekreasi rakyat yang lebih mampan.

3.1.1 Imej Bandar Yang Menarik Dan Hijau

Majlis sentiasa komited dalam memulihara alam sekitar untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat secara berterusan. Sehubungan itu, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM600,000 bagi menyambung Program Rejuvenasi Taman Jaya fasa kedua yang telah dimulakan pada tahun 2023 untuk dilaksanakan kerja-kerja menaiktaraf tebing tasik, sistem perparitan, sistem “*water gate*” dan kerja-kerja “*desilting*” kolam.

Selain menambahbaik padang awam yang dinyatakan di atas, Majlis juga mencadangkan untuk menaiktaraf Taman Centre Spine berjumlah RM450,000 dan Taman PJU1A/29 dengan anggaran kos RM400,000.

Majlis juga memberikan perhatian yang serius terhadap kemudahan rekreasi dan sukan di Petaling Jaya yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Untuk maksud ini, Majlis memperuntukkan sejumlah RM5.7 juta untuk kerja-kerja menaiktaraf kemudahan rekreasi, laluan pejalan kaki dan sistem saliran di 15 kawasan lapang dan taman di sekitar Petaling Jaya.

Dari sudut kelestarian alam sekitar pula, Majlis mengakui kepentingan tasik dan kolam tadahan sebagai khazanah alam yang tidak terperi nilainya. Atas kesedaran itu, Majlis memperuntukkan sejumlah RM470,000 bagi meneruskan penyelenggaraan air tasik di taman-taman awam yang mempunyai tasik dan kolam tadahan sebagai tanda sokongan berterusan Majlis dalam memelihara kualiti persekitaran yang mampan dan berfungsi sebagai penyerap karbon dioksida dari atmosfera dan membekalkan bekalan oksigen ke dalam air bagi keperluan hidupan akuatik.

Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM13 juta pada tahun 2024 untuk kerja-kerja penyelenggaraan landskap di 37 kawasan secara inklusif

merangkumi penyelenggaraan pokok teduhan, pemotongan rumput dan pembersihan serta pelupusan sampah kebun di taman awam dan kawasan lapang bagi mengekalkan persekitaran bandaraya yang bersih dan indah.

Majlis juga memperuntukkan sejumlah RM3.3 juta bagi melantik 14 kontraktor panel untuk membantu Majlis dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikan alatan senaman luar, peralatan permainan kanak-kanak dan kemudahan sediaada di dalam taman dan sekitar Petaling Jaya berdasarkan kepada penemuan di tapak atau aduan daripada pengguna.

Majlis juga telah memperuntukkan sejumlah RM250,000 untuk meneruskan pelaksanaan Program Pembudayaan Landskap bersama komuniti bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dan meningkatkan kesedaran berkaitan landskap melalui Program Pertanian Bandar Kebun Kita dan Program Kawasan Lapang Angkat yang menjurus kepada kemampunan sosial di kalangan komuniti.

3.1.2 Ekonomi Kitaran

Ekonomi Kitaran merupakan antara aspek yang diperkenalkan di bawah PJSSR2030 selaras dengan *The New Urban Agenda* khususnya berkaitan dengan seruan transaksi daripada pengurusan sisa pepejal yang mampan kepada ekonomi kitaran. Seiring itu, selaras dengan Rancangan Selangor Satu dan Rancangan Malaysia ke-12, pengurusan dan perkhidmatan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan pentadbiran Majlis akan berlandaskan kepada strategi pengurangan penjanaan sisa dan 3R secara berperingkat. Bagi tujuan ini, sejumlah RM120,000 telah diperuntukkan untuk program promosi dan perlaksanaan inisiatif berkenaan 3R dan ekonomi kitaran selain daripada peruntukan tahunan bagi kutipan sampah domestik dan kos pembersihan awam sebanyak RM79.34 juta. Majlis menerusi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam akan memberikan fokus kepada menyelesaikan cabaran mengurangkan penggunaan bahan dan penjanaan sampah, penstoran dan rawatan menerusi strategi 3R dan aplikasi teknologi hijau manakala pembersihan awam dengan pemantauan yang ketat ke atas prestasi servis *KDEB Waste Management*. Majlis akan memastikan tahap kebersihan dan keceriaan bandar dipertingkatkan dengan berbagai pendekatan secara bersepadu.

Tahun 2024 akan melihatkan pengurusan 3R diperkasakan selaras dengan prinsip ekonomi kitaran yang meliputi tambahan 10,000 unit rumah di kawasan Seksyen selain daripada liputan sediaada hampir 51,000 unit rumah di seluruh kawasan PJU dan SS. Selain daripada itu, jenis barangan kitar semula baru seperti alatulis, perabot, pakaian turut diberi perhatian. Adalah dijangkakan menjelang penghujung tahun 2024 keseluruhan kawasan perumahan akan diberikan perkhidmatan kutipan barangan kitar semula dari rumah ke rumah.

Kempen promosi ekonomi kitaran akan diperhebahkan lagi di mana usahasama yang dijalin selama ini dengan NGO dan sektor swasta akan dipertingkatkan di samping penubuhan pusat kitar semula di pusat bandar dan transformasi kebuk sampah sediaada serta program-program di *PJ Eco Recycling Plaza* di SS8 menunjukkan kesungguhan dan komitmen Majlis dalam memperkasakan konsep *circular economy*. Bagi tujuan ini, sejumlah RM160,000 diperuntukkan di samping jangkaan sumbangan daripada agensi dan sektor korporat lain. Konsep ini menyarankan penggunaan sumber secara optima, pengurangan pembaziran dan penggunaan semula sisa hasilan daripada proses pengeluaran dan selepas hayat hidup barangan. Ini bukan saja terhad kepada sisa sampah, tetapi sumber lain seperti tenaga dan air serta perolehan hijau. Penerimaan garis panduan Perolehan Hijau 3.0 secara berperingkat pada awal tahun 2023 dengan perintis dalam aspek pengkomputeran,

kenderaan dan kelengkapan, alatulis, perabot, sajian, keberkesanan tenaga dan perkhidmatan pembersihan demi menjadikan MBPJ sebagai perintis PBT di bawah Rancangan Malaysia ke-12 akan diteruskan.

Bagi memperkasakan lagi pengasingan sampah domestik yang merbahaya terutamanya sisa buangan berjadual selaras dengan komitmen *ISO 14001*, Majlis akan memperuntukkan RM240,000 bagi tujuan rawatan sisa tersebut.

3.2 Habitat Berdayahuni - Pengurusan Bandar Yang Selamat Dan Resilient

Habitat berdayahuni bermatlamat melahirkan persekitaran bandaraya dan komuniti yang selamat dan berdayatahan, bandaraya inklusif dengan kemudahan masyarakat yang berkualiti. Kemampanan adalah menjadi matlamat utama pembangunan. Ekologi bandar akan dirancang dan dikendalikan sebagai keseluruhan yang dinamik untuk mengimbangi saling kebergantungan di antara yang flora dan fauna, iklim mikro, kitaran air dan manusia, sosial dan infrastruktur ekonomi. Selain itu, penekanan turut diberikan terhadap pencegahan kejadian bencana alam semulajadi dan buatan manusia.

Bagi mewujudkan persekitaran bandaraya berdayahuni dan bebas halangan, usaha-usaha ke arah mewujudkan bandaraya inklusif akan dilaksanakan melalui matlamat untuk menjadikan pusat bandar Petaling Jaya adalah aksesibel dan mempunyai pembangunan baru menepati ciri-ciri rekabentuk sejagat. Kesemua kawasan lapang dan taman awam mencapai tahap aksesibiliti dan selamat serta inklusif bagi wanita, kanak-kanak, warga tua dan orang kurang upaya (OKU).

Oleh itu, peruntukan sebanyak RM450,000 disediakan di bawah Program Bandar Bebas Halangan bagi projek menaiktaraf kemudahan OKU di Pusat Bandar Mentari Business Centre, PJS 8 dan Pusat Bandar PJU 5 Kota Damansara. Setakat 2023, Majlis telah menaiktaraf kemudahan OKU di 7 pusat bandar yang meliputi Pusat Bandar Seksyen 52, Pusat Bandar SS2, Pusat Bandar Kelana Jaya, Pusat Bandar Taman Mayang SS26, Pusat Bandar Taman Megah SS24, Pusat Bandar Taman Sea SS23, Pusat Bandar PJ Old Town dan Pusat Bandar Seri Setia.

3.2.1 Dasar dan Program Ke Arah Bandar Selamat

Melaksanakan dasar dan program ke arah bandar selamat dengan melaksanakan Program Pemutihan semua kawasan blackspot bagi memastikan pencahayaan yang baik, tempat parkir motosikal yang selamat,

lalu pejalan kaki yang selamat dan dipantau oleh CCTV dengan peruntukan untuk pemasangan CCTV adalah berjumlah RM282,030 dan Projek Pemutihan Kawasan Blackspot Tahun 2024 di Kawasan Pelangi Damansara PJU 7 dengan peruntukan RM300,000.

Bagi mewujudkan persekitaran bandaraya selamat, peruntukan sebanyak RM550,000 disediakan menerusi Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) kepada Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) pada tahun 2024. Sumbangan Geran ini adalah bertujuan untuk mewujudkan dan memperkasakan program di kawasan kejiranan penduduk yang kondusif dan selamat.

3.2.2 Dasar Dan Program Ke Arah Kesihatan Awam dan Persekitaran Yang Baik

Bagi melaksanakan program Kawalan penyakit berjangkit bawaan vektor melalui aktiviti Pemusnahan Tempat Pembiakan (PTP) secara bersasar di lokasi berlakunya kes dan penggunaan ubat jentik-jentik serta kompaun data / mapping lokasi (hot spot) berlakunya kes denggi. Untuk perkara ini, Majlis memperuntukan RM750,000 bagi pembelian bahan kimia.

Memastikan semua gerai di Medan Selera MBPJ mempunyai grease trap yang sentiasa berfungsi dengan baik Majlis memperuntukkan RM50,000 pada tahun 2024.

3.2.3 Dasar Dan Program Ke Arah Infrastruktur Berkualiti dan Pencegahan Kejadian Bencana Alam Semulajadi Dan Buatan Manusia

Bagi menjalankan program penyelenggaraan jalan dan lalulintas peruntukan kos sebanyak RM4.46 juta yang meliputi kerja-kerja penurapan semula jalan, menaiktaraf siarkaki dan bebendul jalan, mengecat garisan jalan, menaiktaraf perabot jalan dengan membaiki *pedestrial railing, vehicle guardrail*, mengadakan bonggol jalan, papantanda nama jalan dan papantanda isyarat serta bumbung pejalan kaki seperti berikut :-

Bil.	Butiran	Peruntukan
1.	Kerja Menaiktaraf Garisan Jalan	560,000
2.	Melaksanakan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Menaiktaraf Jalan/Siarkaki/Bebendul Jalan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan <ul style="list-style-type: none">• Kontrak tahunan• Bina siarkaki di Jalan SS24/1	2,000,000

Bil.	Butiran	Peruntukan
3.	Melaksanakan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Perabot Jalan	750,000
4.	<p>Melaksanakan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Menaiktaraf Tempat Letak Kenderaan</p> <p>i) Tempat Letak Kereta Jalan PJS 2/7 dan PJS 10/11</p> <p>ii) Tempat Letak Kereta Jalan SS20/11 dan Jln. Jernih 8/1</p> <p>iii) Tempat Letak Kereta SS7/17K</p> <p>iv) Tempat Letak Kereta PJS 6/2</p>	900,000
5.	<p>Melaksanakan Kerja-Kerja Kajian Dan Perlaksanaan Syor Untuk Jalan-Jalan Tertentu Yang Menghadapi Masalah Lalulintas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kajian RSA, Jalan Harapan • Perlaksanaan Syor, PJS 8/9. PJU1A/1, Jln Selangor, Jln Othman, Jln Prof Khoo Khay Kim, Jln. 20/7, Jln. 1/21 	250,000

Pada tahun 2024, keutamaan untuk menyelenggara dan menaiktaraf cerun di kawasan Petaling Jaya akan dilaksanakan segera. Untuk itu peruntukan sambungan sebanyak RM2.5 juta disediakan untuk kerja-kerja Penyelenggaraan Cerun di kawasan terpilih di Petaling Jaya dan Kerja-Kerja Pembaikan Dan Penstabilan Di Rezab Cerun Belakang Lorong Utara, Seksyen 52.

Untuk memastikan Petaling Jaya sebagai bandaraya selamat dan berdayatahan, peruntukan bagi penyelenggaraan longkang sebanyak RM7.5 juta telah disediakan pada tahun 2024. Cadangan kerja-kerja tebatan banjir dan menaiktaraf sistem perparitan akan dilaksanakan di kawasan seperti berikut :-

- i. Menaiktaraf Parit Hujan Lebat Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan 21/9, Seksyen 21 Dan Kawasan Sekitarnya, Petaling Jaya (Projek Sambung 2023/2024)
- ii. Menaiktaraf Longkang Bahu Jalan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Sebahagian Jalan 229, Seksyen 51A, Petaling Jaya (Projek Sambung 2023/2024)

- iii. Kerja Penyelenggaraan Tidak Berjadual Parit Tepi Jalan Dan Penutup Longkang Di Keseluruhan Petaling Jaya Meliputi 14 Kawasan (Projek Baru 2024)
- iv. Menaiktaraf Sistem Saliran Di Sebahagian Jalan 17/1, Sebahagian Jalan Profesor Di Raja Ungku Aziz Dan Sebahagian Jalan 19/1, Petaling Jaya (Projek Baru 2024 / 2025)

Selain itu, peruntukan Menaiktaraf Sistem Bekalan Elektrik berjumlah RM3 juta di Stadium Bola Sepak, Kelana Jaya dan juga kerja menaiktaraf sistem penyaman udara di lobi Ibupejabat MBPJ dan Dewan D’Kelana berjumlah RM1.15 juta disediakan pada tahun 2024.

3.3 Ekonomi Vibran - Pembangunan Ekonomi Bandar Dan Pembangunan Usahawan

Di antara langkah-langkah yang akan diambil oleh Majlis untuk merangsang semula ekonomi Petaling Jaya adalah:

- i. menyediakan polisi dan garis panduan yang kondusif kepada pelabur-pelabur;

- ii. mengawasi dan memastikan setiap pemajuan yang dilaksanakan memperoleh Kebenaran Merancang. Sekiranya kesalahan dilakukan, tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 171) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- iii. Menyediakan peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan baru melalui pengwujudan pusat-pusat pertumbuhan ekonomi;
- iv. Melaksanakan *smart partnership* bersama agensi penguatkuasaan luar bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sistem penyampaian Majlis; dan
- v. Melaksanakan operasi secara bersepadu di bawah peruntukan undang-undang berkaitan bagi memastikan tindakan dilaksanakan dengan berkesan dan tepat.

Di antara peruntukan yang disediakan bagi program ini adalah:-

- i. Kerja-Kerja Membina 25 Unit Kiosk Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan Cecawi 6/19A, Kota Damansara dengan peruntukan RM150,000;

- ii. Pembangunan semula Gerai Di Damansara Kim berjumlah RM1 juta;
- iii. Kerja-Kerja Menaiktaraf Bumbung Di SS2 Selera Malam Dan Lain-Lain Kerja (Projek Sambung) berjumlah RM520,000; dan
- iv. Kerja-Kerja Mengecat Petak Penjaja berjumlah RM100,000.

Pada tahun 2024, Rancangan Pemajuan akan dirangka sebagai kerangka memandu bagi pembangunan semula bandar. Oleh itu, penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Seksyen 51, Seksyen 51A dan Seksyen 19, penyediaan Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 5) dan Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (Pengubahan 4), penyediaan Draf RKK Seksyen 13 (Pengubahan 1) serta kajian perancangan kelas kegunaan tanah berkaitan Rancangan Pemajuan akan diperuntukkan sebanyak RM1.053 juta. Penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) dan Rancangan Tempatan ini akan merencanakan lagi aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi perdagangan serta perindustrian yang terkawal dengan persekitaran yang menarik serta kondusif.

Melalui Pelan Strategik Pembangunan Usahawan 2030 juga, golongan peniaga di gerai dan pasar Majlis yang selama ini turut memainkan

peranan dalam merancakkan ekonomi bandar akan menerima faedah daripada program-program mempromosikan pasar dan gerai Majlis dengan peruntukan sebanyak RM200,000 disediakan.

Bagi kesejahteraan penduduk, ekonomi penduduk bandar mestilah lebih berdaya saing dan inovatif. Di antara program-program yang akan dilaksanakan pada tahun 2024 bagi memastikan Petaling Jaya mempunyai komuniti mampan dan berdaya tahan adalah Program *PJ City Food Valley* – Projek Agro Bandar di Skim-Skim Perumahan Kos Rendah berjumlah RM120,000 melibatkan 4 lokasi dengan keluasan keseluruhan 82 ekar iaitu di Rezab TNB Sri Damansara, PJU 9, Rizab TNB Pelangi Damansara, PJS 6, Rizab TNB Sri Manja, PJS 3 dan Rizab TNB Desa Peransang, PJS 3. Program Pemutihan Kampung Sri Setia (SS9A) dan Kampung Chempaka (PJU 1) untuk tukarguna bangunan kediaman kepada komersial berjumlah RM90,000.

3.4 Komuniti Mampan - Pembangunan Bandar Society 5.0, Bandar Inklusif, Bandar Mesra Kanak-Kanak dan Bandar Pembelajaran

Petaling Jaya adalah ke arah *Inclusive City* dengan mengambil kira semua kumpulan masyarakat iaitu kanak-kanak, wanita, remaja, belia, warga emas dan komuniti OKU. Salah satu tanggungjawab sosial Majlis

kepada komuniti Petaling Jaya adalah melaksanakan Program Pembangunan Kemiskinan Bandar (PPKB) bermula sejak tahun 2012. Program-program membina kapasiti golongan miskin bandar ini lebih tertumpu di kawasan Desa Mentari, Kg. Lindungan, Taman Medan, Lembah Subang dan di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR). Antara projek yang dilaksanakan adalah seperti program menjahit beg karung kitar, bengkel kemahiran, program penjanaaan pendapatan, karnival kerjaya, program tuisyen serta sumbangan dan bantuan sempena perayaan utama dengan memperuntukkan sebanyak RM300,000 setahun di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

Majlis bukan sahaja cenderung dan prihatin terhadap golongan miskin, malahan seluruh komuniti Petaling Jaya turut disediakan pelbagai program yang membina dan menyokong pembangunan komuniti mampan sejajar dengan pelaksanaan 10 tematik projek di bawah PJSSR 2030. Pelbagai program dan aktiviti komuniti disediakan dengan anggaran kos berjumlah RM7.43 juta. Di antara program-program yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:-

Bil.	Aktiviti	Jumlah (RM)
1	Pertandingan Kawasan Kejiranan Terbaik	250,000
2	Program PJ KITA	500,000

Bil.	Aktiviti	Jumlah (RM)
3	Program Kempen Kesihatan	80,000
4	Aktiviti Mesra Rakyat	60,000
5	Aktiviti Mesra Industri	50,000
6	Aktiviti-Aktiviti Kebudayaan	220,000
7	Program Hal Ehwal Wanita (HEWA) Dan Aktiviti Warga Emas	95,500
8	Aktiviti Pelancongan	150,000
9	Aktiviti Perpustakaan	80,000
10	Aktiviti Belia	100,000
11	Aktiviti Kota Seni	150,000
12	PJ Car Free Day	70,000
13	Bas Percuma Di Petaling Jaya	5,700,000
14	Bantuan Am Kepada Persatuan Dan Pertubuhan Berdaftar	80,000
15	Karnival Sukan Remaja	100,000
JUMLAH		7,425,500

Sukacita dimaklumkan bahawa pada petang ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dijangka akan dinobatkan sebagai *Child Friendly City* Malaysia yang mesra dan responsif terhadap golongan kanak-kanak oleh *UNICEF*. Bagi memperkasakan lagi pengiktirafan tersebut, Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM240,000 untuk Sesi *Outreach* Bersama Komuniti dan Kanak-Kanak selaras dengan Pelan Tindakan Bandaraya

Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya yang mengandungi dasar-dasar, polisi dan tindakan-tindakan pada tahun hadapan.

Matlamat Majlis untuk mewujudkan sebuah komuniti yang selamat, sihat dan bersatu padu serta kaya dengan budaya di Petaling Jaya akan direalisasikan menerusi tawawan Geran Komuniti *PJ Social Environment Economy Development (PJ S.E.E.D)* dengan peruntukan pada tahun 2024 berjumlah RM700,000. Dana diberikan kepada pemegang taruh yang layak untuk digunakan bagi merencanakan lagi usaha-usaha untuk melaksanakan inisiatif kemampunan mengikut fokus *thematic* di peringkat komuniti Petaling Jaya berdasarkan halatuju *PJ Smart, Sustainable and Resilient 2030*.

3.5 Urustadbir Baik

Bagi memastikan sistem bekerja dan sistem penyampaian organisasi adalah mengikut standard dan piawaian antarabangsa melalui perlaksanaan *smart city* serta pembangunan *smart society* melalui pendekatan Society 5.0. Pada tahun 2024, Majlis akan melengkapkan kesemua *Mini Smart Centre* dengan kos berjumlah RM1 juta meliputi 8 unit lagi. Dengan peruntukan ini akan menyempurnakan kos infrastruktur

bagi program Smart City Majlis di samping penyediaan 44 paparan pemuka (*dashboard*) dan pengumpulan 400 jenis data.

Ke arah sistem penyampaian yang cekap dan telus, program pendigitalan kesemua sistem perkhidmatan Majlis dilaksanakan secara berperingkat. Untuk itu, peruntukan Pengurusan Program berjumlah RM600,000 disediakan untuk memastikan Majlis bersiap sedia dengan bahan-bahan pameran/informasi dan dokumen bagi menyertai pertandingan, pameran, penganugerahan dan sebagainya

Selain itu, pembangunan sistem dalaman Majlis diperuntukan berjumlah RM2.439 juta bagi membolehkan Majlis beroperasi secara sepenuhnya di dalam persekitaran digital.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang dikasihi sekalian,

4. STRATEGI PENYEDIAAN BAJET 2024

Bajet Majlis tahun 2024 dirangka berlandaskan kepada strategi seperti berikut:-

4.1 Melaksanakan Konsep '**Zero Based Budgeting**' iaitu dengan

- i. mengenalpasti sumber hasil baru di samping punca hasil sedia ada yang dapat dikutip pada tahun 2024; dan
- ii. mengambil kira keutamaan perbelanjaan tahun semasa melalui kajiselidik/keperluan pelanggan berdasarkan kemampuan kewangan Majlis.

4.2 Hasil Cukai Taksiran adalah berdasarkan kepada:-

- i. Jumlah pegangan harta yang aktif bagi tahun 2023;
- ii. Jangkaan tambahan pegangan harta baru pada tahun 2024; dan
- iii. Pengubahsuaian hartanah berdasarkan keluasan dan kegunaan ruang lantai.

Nilaian tahunan dan kadar cukai taksiran adalah tidak berubah.

4.3 Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan kepada punca hasil sedia ada yang telah dikutip pada tahun 2023. Peningkatan hasil bukan cukai adalah daripada aktiviti sedia ada. Manakala fee dan caj yang dikenakan adalah sama seperti tahun 2023. Program pendigitalisasi dan *Smart City* ke arah meningkatkan efisiensi di dalam penyampaian perkhidmatan, mengurangkan kos pengurusan akan dilaksanakan untuk meningkatkan hasil.

- 4.4 Perbelanjaan Mengurus tidak melebihi daripada jumlah hasil yang dijangka akan dikutip pada tahun 2024. Kelulusan One Off adalah bergantung kepada keperluan setiap aktiviti yang dibelanjakan. Amalan belanja secara berhemah dan *value for money* untuk setiap program/projek Majlis adalah dilaksanakan.
- 4.5 Perbelanjaan pembangunan telah disediakan dengan mengambilkira kemampuan dan kedudukan kewangan semasa serta kemampuan jabatan teknikal untuk pelaksanaan projek pada tahun hadapan. Majlis memfokus kepada kerja/projek penyelenggaraan sambung, projek yang telah mempunyai kelulusan dan mengutamakan pelaksanaan projek kritikal untuk menangani isu bencana. Keutamaan adalah kepada menyediakan kemudahan asas/ infrastruktur berkualiti (*sustainable cities and communities*) kepada penduduk serta infrastruktur dan program bagi menjana ekonomi (pusat-pusat penjaja/ kedai mampu milik) golongan berpendapatan rendah dan paling terjejas (*safe and resilient city*).
- 4.6 Terdapat projek pembangunan yang dibiayai oleh peruntukan Akaun Amanah. Sumber kutipan akaun amanah diterima daripada Kerajaan Negeri ataupun sumbangan daripada pemaju dan sektor swasta. Perbelanjaan melalui Akaun Amanah telah dinyatakan secara khusus di dalam Surat Ikatan Amanah (*Trust Deed*) sewaktu penubuhannya.

Jumlah perbelanjaan Akaun Amanah adalah setakat mana kutipan yang diterima oleh Majlis.

- 4.7 Penyediaan pelan tindakan perancangan kewangan jangka panjang (5 dan 10 tahun) dengan mengambilkira rangka kerja dan garis panduan bajet. Peruntukan juga akan disusun mengikut tahun berdasarkan keupayaan jabatan melaksanakan kerja.
- 4.8 Pengurusan sumber manusia memfokus kepada latihan teknikal dan kompetensi bagi menyiapkan kakitangan di dalam sistem penyampaian yang lebih cekap dan bersedia melaksanakan Pelan Strategik MBPJ serta blueprint '*Petaling Jaya Pintar, Mampan Dan Berdayatahan 2030*'.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang dihormati sekalian,

5. CADANGAN BAJET 2024

5.1 Pada tahun 2024 Majlis mencadangkan bajet *defisit* di mana anggaran hasil dan perbelanjaan keseluruhan Majlis adalah seperti berikut:

Butiran	2023 RM	Agihan Belanja (%)	2024 RM	Agihan Belanja (%)	Tambahan/ (Kurangan)	
					RM	(%)
Hasil	404,826,260		415,479,340		10,653,080	2.63%
Perbelanjaan Mengurus	344,444,260	79.91%	360,127,280	80.12%	15,683,020	4.55%
Perbelanjaan Pembangunan	86,617,150	20.09%	89,329,950	19.88%	2,712,800	3.13%
Jumlah Perbelanjaan	431,061,410		449,457,230		18,395,820	4.27%
(Defisit)	(26,235,150)		(33,977,890)		(7,742,740)	
Peratusan	-6.48%		-8.18%			

5.2 Cadangan Bajet 2024 menunjukkan peratusan defisit yang dicadangkan meningkat berbanding tahun 2023 iaitu daripada 6.48% atau RM26.24 juta kepada 8.18% atau RM33.98 juta.

5.3 Majlis akan sentiasa memantau prestasi kutipan hasil dan juga perbelanjaan supaya rezab tunai Majlis akan berada di dalam keadaan yang positif.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

6. HASIL

6.1 Punca-punca utama hasil Majlis adalah seperti berikut:-

Butiran	2023 RM	2024 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Hasil Cukai	278,460,000	281,628,400	3,168,400	1.14%
Hasil Bukan Cukai	113,299,560	120,837,390	7,537,830	6.65%
Terimaan Bukan Hasil	13,066,700	13,013,550	(53,150)	(0.41%)
Jumlah	404,826,260	415,479,340	10,653,080	2.63%

6.2 Hasil Cukai

6.2.1 Bagi Tahun 2024, tiada peningkatan yang ketara untuk hasil cukai taksiran Majlis.

6.2.2 Bagi tahun 2024 juga, Majlis tidak mengambilkira hasil cukai taksiran rumah kos rendah dan rumah kampung yang telah diberi pengecualian oleh Kerajaan Negeri bermula pada tahun 2016 lagi. Hasil cukai yang tidak diambilkira adalah berjumlah RM5.8 juta.

6.2.3 Hasil cukai taksiran merupakan punca hasil utama Majlis yang menyumbang sebanyak 67.78% daripada anggaran keseluruhan hasil Majlis. Majlis perlu mempertingkatkan usaha untuk mengutip hasil cukai sekurang-kurangnya 95% daripada anggaran Majlis bagi memastikan segala perancangan perbelanjaan yang dirancang dapat dilaksanakan. Saya menyeru kepada pemegang harta di Petaling Jaya untuk menjelaskan cukai taksiran melalui pelbagai cara bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan. Kutipan cukai taksiran ini amat bermakna bagi meneruskan program/ kerja yang telah dirancang oleh Majlis untuk manfaat rakyat.

6.3 Hasil Bukan Cukai

6.3.1 Hasil Bukan Cukai yang akan dikutip pada tahun 2024 adalah berjumlah RM120.84 juta iaitu peningkatan sebanyak RM7.54 juta atau 6.65% berbanding anggaran tahun 2023 yang berjumlah RM113.30 juta. Anggaran Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan keadaan ekonomi semasa di mana terdapat hasil yang menunjukkan peningkatan daripada tahun 2023.

6.3.2 Perincian Hasil Bukan Cukai bagi tahun 2024 adalah seperti berikut :-

Butiran	2023 RM	2024 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Lesen, Bayaran Pendaftaran & Permit	28,698,020	31,113,740	2,415,720	8.42%
Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan	31,943,690	32,615,730	672,040	2.10%
Jualan Barang-Barang	1,257,700	1,290,700	33,000	2.62%
Sewaan	17,927,130	18,920,460	993,330	5.54%

Butiran	2023 RM	2024 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Keuntungan & Perolehan Dari Pelaburan	16,644,720	19,380,960	2,736,240	16.44%
Denda & Kompau	16,828,300	17,515,800	687,500	4.09%
Jumlah	113,299,560	120,837,390	7,537,830	6.65%

6.3.3 Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

- i. Ia merupakan punca hasil yang tertinggi dikutip di bawah kategori Hasil Bukan Cukai iaitu berjumlah RM32.62 juta pada tahun 2024 berbanding RM31.94 juta pada tahun 2023.
- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan :-

Butiran	2023 RM	2024 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Bayaran Proses Pelan	4,510,000	5,028,000	518,000	11.49%
Bayaran & Bayaran Perkhidmatan	1,180,000	1,330,000	150,000	12.71%

Butiran	2023 RM	2024 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Perkhidmatan Kubur	262,740	357,440	94,700	36.04%
Kolam Renang	422,660	401,340	(21,320)	(5.04%)
Perkhidmatan Letak Kereta	21,000,000	21,150,000	150,000	0.71%
Yuran	2,125,010	2,446,530	321,520	15.13%
Perkhidmatan Proses Pelan Lesen/ Permit	330,000	360,000	30,000	9.09%
Lain-lain Bayaran dan Perkhidmatan	2,113,280	1,542,420	(570,860)	(27.01%)
Jumlah	31,943,690	32,615,730	672,040	2.10%

6.3.4 Lesen, Bayaran Pendaftaran & Permit

- i. Hasil daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit merupakan punca hasil kedua tertinggi di dalam kategori Hasil Bukan Cukai. Hasil Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit meningkat pada tahun hadapan di mana Majlis menjangkakan ekonomi pada tahun 2024 adalah lebih baik berbanding tahun 2023.

- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit :-

Butiran	2023 RM	2024 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Lesen Perubahan Status Bangunan	1,100,000	1,200,000	100,000	9.09%
Lain-Lain Lesen/Pendaftaran dan Permit	27,598,020	29,913,740	2,315,720	8.39%
Jumlah	28,698,020	31,113,740	2,415,720	8.42%

6.3.5 Sewaan

Hasil sewaan pada tahun 2024 dianggarkan akan meningkat sebanyak RM993,000 daripada unjuran hasil pada tahun 2023 yang berjumlah RM17.927 juta kepada RM18.92 juta. Peningkatan ini adalah kerana Majlis menjangkakan trend terhadap penyewaan premis Majlis bagi aktiviti-aktiviti ekonomi seperti pasar, kompleks penjaja dan dewan adalah lebih baik berbanding tahun 2023.

Lain-lain peningkatan daripada punca hasil sewaan adalah seperti berikut :-

Butiran	2023 RM	2024 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Sewa Kompleks	252,000	252,000	-	-
Sewa Pasar	3,409,430	3,178,200	(231,230)	(6.78%)
Sewa Pejabat dan Kilang	2,096,480	2,100,330	3,850	0.18%
Sewa Kompleks Penjaja/Gerai	1,400,670	1,744,860	344,190	24.57
Sewa Balairaya dan Dewan Komuniti	1,057,340	1,301,880	244,540	23.13%
Sewa Kompleks Sukan	198,890	273,800	74,910	37.66
Lain-Lain Sewaan	9,512,320	10,069,390	557,070	5.86%
Jumlah	17,927,130	18,920,460	993,330	5.54%

6.3.6 Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan

Pada tahun 2024 punca hasil daripada Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan akan mengalami peningkatan. Peningkatan sebanyak RM2.736 juta berbanding anggaran tahun 2023 yang berjumlah RM16.645 juta kepada RM19.38 juta disebabkan oleh kadar keuntungan yang diperolehi oleh Majlis ada peningkatan. Kadar-kadar simpanan tetap yang ditawarkan oleh bank adalah bergantung kepada kadar asas yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

6.3.7 Denda dan Kompaun

Punca hasil daripada denda dan kompaun akan meningkat sebanyak RM687,500 daripada tahun 2023 yang berjumlah RM16.828 juta kepada RM17.516 juta. Majlis akan melaksanakan beberapa pemantauan terutama ke atas kesalahan binaan tanpa kebenaran dan juga kesalahan di bawah Jabatan Kawalan Bangunan. Kompaun daripada Jabatan Penguatkuasa akan meliputi semua kesalahan di Majlis terutama yang melibatkan kesalahan lalulintas.

Berikut adalah punca-punca hasil daripada denda dan kompaun:-

Butiran	2023 RM	2024 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Bayaran Denda Pelan Bangunan	300,000	500,000	200,000	66.67%
Bayaran Notis - Cukai Taksiran	3,500,000	3,500,000	-	-
Bayaran Waran Tahanan	156,000	156,000	-	-
Denda Atas Kontrak Kerja	1,015,000	1,055,000	40,000	3.94%

Butiran	2023 RM	2024 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Bayaran Denda - Perpustakaan MBPJ	12,000	12,000	-	-
Surcaj Kakitangan	2,000	2,000	-	-
Denda Pelanggaran Syarat Lesen Berisiko	7,500	10,000	2,500	33.33%
Caj Notis Peringatan	800	800	-	-
Kompaun - Jabatan Kesehatan	265,000	300,000	35,000	13.21%
Kompaun – Pengurusasn Sisa Pepejal	120,000	120,000	-	-
Kompaun Jabatan Penguatkuasaan	10,400,000	10,800,000	400,000	3.85%
Kompaun Unit Alam Sekitar	-	10,000	10,000	100.00%
Kompaun Utiliti	50,000	50,000	-	-
Kompaun Jabatan Kawalan Bangunan	1,000,000	1,000,000	-	-
Jumlah	16,828,300	17,515,800	687,500	4.09%

6.4 Terimaan Bukan Hasil

6.4.1 Terimaan Bukan Hasil merupakan terimaan daripada kerajaan dan juga terimaan bayaran balik berjumlah RM13.013 juta yang dijangka akan diterima pada tahun 2023 seperti berikut:-

Butiran	2023 RM	2024 RM	Tambahan	
			RM	%
Caruman Bantuan Kadar	3,282,560	3,282,560	-	-
Geran Keseimbangan	5,000,000	5,000,000	-	-
Pulangan Balik Perbelanjaan	4,784,140	4,730,990	(53,150)	(1.11%)
Jumlah	13,066,700	13,013,550	(53,150)	(0.41%)

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang dihormati,

7. PERBELANJAAN

Jumlah Perbelanjaan Majlis pada tahun 2024 adalah dipecahkan seperti berikut:-

Butiran	2023 RM	2024 RM	% Agihan	Tambahan / (Kurangan)	
				RM	%
Perbelanjaan Mengurus	344,444,260	360,127,280	80.12%	15,683,020	4.55%
Perbelanjaan Pembangunan	86,617,150	89,329,950	19.88%	2,712,800	3.13%
Jumlah	431,061,410	449,457,230	100.00%	18,395,820	4.27%

7.1 PERBELANJAAN MENGURUS

7.1.1 Perbelanjaan Mengurus boleh dipecahkan kepada 5 kategori seperti berikut:-

Butiran	2023 RM	2024 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Emolumen	132,727,040	142,202,150	9,475,110	7.14%
Perkhidmatan & Bekalan	192,697,670	201,122,660	8,424,990	4.37%
Aset	4,461,530	2,677,200	(1,784,330)	(39.99%)
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,551,680	1,384,010	(167,670)	(10.81%)
Perbelanjaan Lain	13,006,340	12,741,260	(265,080)	(2.04%)
Jumlah	344,444,260	360,127,280	15,683,020	4.55%

7.1.2 Peratus Agihan Perbelanjaan Mengurus

Jika dilihat daripada pecahan peratusan perbelanjaan mengurus pula, peratusnya adalah seperti berikut:

Butiran	2024 RM	Peratus %
Emolumen	142,202,150	39.49%
Perkhidmatan & Bekalan	201,122,660	55.85%
Aset	2,677,200	0.74%
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,384,010	0.38%
Perbelanjaan Lain	12,741,260	3.54%
Jumlah	360,127,280	100.00%

Butiran Perkhidmatan dan Bekalan yang melebihi RM500,000 dan ke atas adalah seperti di Lampiran 1.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

7.2 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Jumlah Perbelanjaan Pembangunan tahun 2024 berbanding dengan tahun 2023 adalah seperti berikut:-

Butiran	2023 RM	2024 RM	Tambahan / (Kurangan)	
			RM	%
Perkhidmatan & Bekalan	68,379,650	67,191,420	(1,188,230)	(1.74%)
Menaiktaraf Aset, Kemudahan dan Pembelian Aset	17,530,000	21,462,030	3,932,030	22.43%
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	707,500	676,500	(31,000)	(4.38%)
Jumlah	86,617,150	89,329,950	2,712,800	3.13%

Pada tahun 2024, Majlis hanya meneruskan projek/ kerja infrastruktur yang telah dilantik di dalam tahun 2023. Di bawah Jabatan Kejuruteraan, terdapat 11 Akaun Amanah dan di bawah Jabatan

Perancangan Pembangunan, terdapat 6 Akaun Amanah yang berupaya untuk melaksanakan projek pembangunan. Setakat 30 September 2023 akaun-akaun tersebut mempunyai baki berjumlah RM239.16 juta.

Perincian Perbelanjaan Pembangunan adalah seperti di Lampiran 2.

8. ANGGARAN PERJAWATAN TAHUN 2024

Permohonan penambahan jawatan baru masih tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 5 Tahun 2017 Garis Panduan Langkah-Langkah Mengurangkan Perbelanjaan Kerajaan Negeri Selangor, Perkara 3.2 pembekuan sementara bagi pewujudan baru jawatan kontrak kecuali dengan kaedah tukar ganti (*trade off*) dan pindah butiran (*redeployment*) serta tiada implikasi kewangan tambahan. Oleh itu, sekiranya terdapat tambahan tugas, ianya hendaklah diberi pembahagian dan disusun di kalangan perjawatan sediada.

Jumlah waran jawatan tetap dan peruntukan jawatan kontrak Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah sebanyak 2,267 di mana waran jawatan tetap sebanyak 1,285, peruntukan jawatan kontrak *Contract of Service* sebanyak 883, jawatan *Contract for Service* sebanyak 59 dan Pekerja Sambilan Harian sebanyak 40 jawatan. Sehingga bulan September 2023 jumlah pengisian

perjawatan Majlis adalah sebanyak 1,983 orang yang terdiri daripada 1,112 kakitangan Tetap, 776 kakitangan Kontrak *Contract of Service*, 55 pekerja kontrak *Contract for Service* dan 40 Pekerja Sambilan Harian. Pengisian jawatan tetap masih tertakluk kepada Dasar kawalan pengisian 89% seperti mana arahan Bahagian Perjawatan Dan Organisasi (BPO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), bertarikh 12 Februari 2018.

Bagi permohonan jawatan kontrak tahun 2024, Majlis telah meluluskan sebanyak 15 jawatan baru menggunakan kaedah tukar butiran dan *trade off* sembilan (9) jawatan sediaada yang tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan. Jawatan-jawatan yang diluluskan adalah satu (1) jawatan Penolong Juruaudit Gred W29, satu (1) jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29, satu (1) jawatan Pembantu Penilaian Gred W19, satu (1) Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, satu (1) Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tiga (3) Penolong Pegawai Senibina Gred JA29 dan tujuh (7) Pembantu Tadbir (Kuota Sukan) Gred N19.

Dengan kelulusan permohonan jawatan kontrak ini akan menjadikan jumlah waran jawatan tetap dan peruntukan jawatan kontrak Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2024 adalah sebanyak 2,271. Justeru pada tahun 2024, Majlis akan membuat pengisian sebanyak 13 jawatan tetap dan 52 jawatan kontrak secara berperingkat dalam masa yang sama masih mematuhi dasar kawalan pengisian jawatan 89% yang berkuatkuasa.

Pada tahun ini juga, Majlis telah merancang untuk melaksanakan cadangan pengstruktur organisasi dimana sebanyak 24 jawatan baru akan diwujudkan dan memansuhkan 48 jawatan sediaada dengan melibatkan implikasi kewangan secara trade off sebanyak RM1.6 juta.

Kakitangan kini perlu sentiasa peka dengan perkembangan semasa dan perubahan persekitaran, menambah baik dengan menunjukkan kesungguhan untuk mempelajari perkara baru dan tidak leka dengan pencapaian semasa. Tidak kira apa peringkat pengurusan atau gred kita berada, kita perlu berfikir secara inovatif dalam menghasilkan pendekatan kreatif untuk memudahkan urusan kerja, memudahkan rakyat dan pada masa sama, meningkatkan produktiviti.

Majlis mempunyai harapan tinggi ke atas semua kakitangan samada tetap mahupun kontrak bagi sama-sama membantu memimpin Majlis bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya dan seterusnya menempa kejayaan dan kecemerlangan. Saya percaya dan mempunyai keyakinan penuh bahawa kita semua mampu memenuhi ekspektasi ini, dan akan terus komited bersama-sama mendokong aspirasi Majlis ke arah merealisasikan *Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient* menjelang tahun 2030.

9. KESIMPULAN

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

Penyediaan Bajet 2024 secara defisit adalah untuk merangsang kembali pertumbuhan ekonomi Petaling Jaya. Pengalaman Majlis dengan menyediakan bajet secara defisit pada tahun-tahun yang lalu membuktikan Majlis bersedia menghadapi kemungkinan keadaan ekonomi yang tidak menentu pada tahun hadapan seperti inflasi, bencana alam dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Majlis akan berusaha untuk memperkukuh budaya kerja cekap dan berintegriti, *intact* dan cepat bertindak serta akan berusaha untuk menutup ruang pembaziran serta ketirisan bagi mengurangkan bajet defisit kepada satu jumlah yang munasabah.

Majlis berazam melalui langkah-langkah perbelanjaan secara berhemah, hasilnya dapat dipulangkan semula kepada penduduk melalui pelbagai program pembangunan dan insentif kepada penduduk Petaling Jaya. Oleh itu, Bajet 2024 yang telah disediakan di harap dapat memenuhi hasrat Majlis untuk mentadbir kawasan Petaling Jaya dengan cekap dan berkesan serta dapat memenuhi kehendak semua lapisan penduduk selaras dengan tema '**Komuniti Bahagia, Petaling Jaya Sejahtera**'.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan bajet Majlis bagi tahun 2024 iaitu Anggaran Hasil berjumlah RM415,479,340, Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM360,127,280, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM89,329,950, 15 jawatan baru menggunakan kaedah *Trade Off* yang tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan dan kadar cukai taksiran seperti yang dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis.

Sekian, terima kasih.

"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(MOHAMAD AZHAN BIN MD. AMIR) J.M.N., K.M.N., D.S.M.

Datuk Bandar Petaling Jaya

Bertarikh : 13 Oktober 2023